



Atlet Kuipsas tawan Gunung Irau



Peserta memanaskan badan terlebih dahulu.



Nur Muhammad Hafiz mengetuai ekspedisi Gunung Irau.



Peserta memerlukan ketahanan fizikal dan mental sepanjang pendakian.



Pendakian tingkatkan stamina 28 penuntut di samping menikmati keindahan flora fauna

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN - Mendaki gunung kini antara aktiviti riadah yang menjadi kegemaran golongan remaja dan belia terutama penuntut universiti.

Meskipun mendaki dianggap satu aktiviti ekstrem kerana ia memerlukan stamina fizikal dan mental yang kuat, namun ia bukan penghalang buat 28 atlet Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah (Kuipsas) untuk menawan puncak Gunung Irau, di Cameron Highland.

Ketua ekspedisi itu, Nur Muhammad Hafiz Shamsuddin berkata, ekspedisi bertujuan membentuk semangat kerjasama dalam kumpulan dan sekali gus menambah stamina peserta.



"Saya percaya melalui ekspedisi ini peserta dapat mencabar diri sekali gus menguji ketahanan fizikal dan mental mereka ketika mendaki.

"Di samping itu peserta juga dapat melihat keindahan alam semula jadi sepanjang pendakian ke puncak Gunung Irau," katanya kepada *Sinar Harian* di sini, semalam.

Menurutnya, ekspedisi yang dianjurkan Sekretariat Sukan Kuipsas dan Majlis Perwakilan Pelajar Kuipsas itu mendapat sokongan penuh daripada Rektor, Datuk Yahya Zainal Abidin.

"Kumpulan ini bergerak mendaki bermula seawal jam 6 pagi dan tiba di puncak pada tengah hari. Gunung ini dipilih kerana unik dan dikatakan antara yarbf tercantik.

"Pelbagai keindahan flora dan fauna dapat dilihat sepanjang mendaki dan lumut tumbuh di batu-batu itu juga nampak cantik, selain kawasannya yang sejuk," katanya.



Nur Muhammad Hafiz berkata, pihaknya bercadang untuk menjadikan ekspedisi tersebut sebagai aktiviti tahunan penuntut Kuipsas sekali gus memupuk semangat kekitaan dan rasa cinta kepada khazanah negara.

"Ini kali pertama saya anjurkan ekspedisi, nampaknya ia berjaya dan pasti saya akan anjurkan lagi program sebegini pada masa akan datang."

"Lepas ini mungkin melibatkan penuntut dalam kuantiti lebih ramai, Insya-ALLAH," katanya.



Peserta ekspedisi bergambar sebelum memulakan pendakian.